



22 APR, 2024

## Jangan simpan stok beras berlebihan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Jangan simpan stok beras berlebihan

Lebih baik diaghikan segera beri kepada golongan yang lebih memerlukan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN  
TAHIR  
KUALA SELANGOR

Semua pihak termasuk orang awam diingatkan tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti besar bagi mengelakkan berlakunya pembaziran.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, lebih baik jika stok sedia ada itu disimpan bagi tujuan sumbangan dan sebagaimana dapat diaghikan segera kepada golongan yang lebih memerlukan.

"Jika ada (stok beras) sedekah dan berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di Puncak Alam di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan kepada masyarakat supaya berpada-pada dan mengelakkkan pembaziran makanan semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri ini.

Beliau berkata, ia susulan daripada dapatan yang diperoleh dari-



Mohamad (empat dari kanan) bergambar bersama-sama tetamu hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di Puncak Alam, Kuala Selangor pada Ahad.

pada konsesi pembersihan Alam Flora iaitu 40 peratus daripada sisa buangan adalah makanan.

"Sisa-sisa buangan makanan ketika bulan Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari, jadi elakkanlah pembaziran dan bekalan pun tak akan berkurangan," tambah beliau.

Sebelum ini, tular satu rakaman yang memaparkan ratusan kampit beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekat-

an laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Video itu menjadi perhatian apabila ia dimuat naik oleh beberapa pengguna media sosial di Facebook dan TikTok yang kebetulan menggunakan jalan berkenaan.

Mohamad menerusi hantaran di Facebook rasminya pada Jumaat mengarahkan Jabatan Kawal Selia Padi dan Beras untuk menyiasat kejadian berkenaan.



22 APR, 2024

## Jangan simpan stok beras berlebihan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Pada konsesi pembersihan Alam Flora iaitu 40 peratus daripada sisa buangan adalah makanan. "Sisa-sisa buangan makanan ketika bulan Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari, jadi elakkanlah pembaziran dan bekalan pun tak akan berkurangan," tambah beliau. Sebelum ini, tular satu rakaman yang memaparkan ratusan kampit beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekatan

laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.